

KESAN PSIKOLOGI TERHADAP PENAMAAN NASAB ANAK TAK SAH TARAF KEPADA ABDULLAH: ANALISIS FATWA KEBANGSAAN

THE PROBLEM OF DEPRESSION REGARDING THE NAMING OF ILLEGITIMATE CHILDREN'S LINEAGE TO ABDULLAH: NATIONAL FATWA ANALYSIS

Mustaqim Roslan, M. (Corresponding Author)
*Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah,
Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia*
Tel: +6014-5191337 E-mail: muhd.mustaqim@usas.edu.my

Published: 29 April 2024

To cite this article (APA): Chapakiya, S. (2024). Gagasan 'Al-Muallim Ar-Rabbani' menurut Syeikh Ismail Lutfi Al-Fatoni. *Firdaus Journal*, 4(1), 44–50. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol4.1.5.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol4.1.7.2024>

Abstrak

Keputusan Fatwa Kebangsaan terhadap penamaan nasab anak tak sah taraf (ATST) adalah tidak harus untuk dinasabkan kepada bapa biologinya berasaskan kepada sumber-sumber yang kuat daripada al-Quran dan al-Sunnah. Oleh yang demikian, ATST tersebut perlulah dinasabkan kepada ibu sebagai jalur nasab yang sah. Namun begitu, Fatwa Kebangsaan telah memutuskan untuk digantikan dengan nama Abdullah bagi tujuan untuk mengelakkan kesan psikologi dan masalah sosial yang terjadi kepada anak tersebut. Malangnya, objektif dan matlamat tersebut tidaklah seperti yang diinginkan apabila anak-anak itu didakwa menunjukkan kesan yang negatif apabila penamaan mereka dinasabkan kepada Abdullah. Sehubungan dengan itu, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk melihat kesan psikologi yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan dengan nama Abdullah bagi menggantikan nama ibu sebagai jalur yang sah. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif, manakala strategi kajian pula ialah kajian kes. Kajian ini juga mengadaptasikan reka bentuk kualitatif dengan kaedah pengumpulan data adalah kombinasi teknik analisis kandungan dokumen dan temu bual soalan separa berstruktur. Setelah data dokumen dan data temu bual diperolehi, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Hasil dapatan menunjukkan terdapat enam kesan psikologi yang telah dikenal pasti akibat kesan penamaan nasab ATST kepada Abdullah ini iaitu, sukar menumpukan perhatian, sering marah, kesukaran tidur, hilang selera makan, hilang pergaulan dan kurang keyakinan diri. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan agar penamaan nama Abdullah bagi menggantikan nama ibu sebagai jalur yang sah ke atas ATST adalah wajar dimurnikan kembali agar bersesuaian dengan realiti yang berlaku.

Kata kunci: Abdullah, Fatwa Kebangsaan, Kesan Psikologi, Nasab, Penamaan.

Abstract

Based on strong sources from the Qur'an and the Sunnah, the National Fatwa on the naming of an illegitimate child's (Anak Tak Sah Taraf, ATST) lineage is not to be traced back to the biological father. As a result, the ATST must be passed down to the mother as a legitimate line of descent. Nevertheless, the National Fatwa has decided to replace the name with Abdullah in order to avoid the child's psychological effects and social problems. Unfortunately, the objectives and goals were not as desired when the children allegedly showed negative effects when their names were attributed to Abdullah. In relation to that, the purpose of this article is to look at the psychological effects faced by ATST who are named Abdullah to replace the mother's name as a legitimate line of descent. This study's philosophy is interpretive, and the research strategy is a case study. This study, too, used a qualitative design and a data collection method that combined document content analysis techniques and semi-structured question interviews. After obtaining the document and interview data, the document content analysis method is used again in the process of analysing these data, and the results are categorised using the thematic method. The findings show that naming the ATST lineage to Abdullah has six psychological effects, including difficulty concentrating, frequent anger, difficulty sleeping, loss of appetite, loss of sociability, and lack of self-confidence. Therefore, this study suggests that the use of Abdullah's name to replace the mother's name as a legitimate line of descent to ATST be refined to reflect current reality.

Keywords: Abdullah, National Fatwa, Psychological Effects, Lineage, Naming.

PENDAHULUAN

Anak Tak Sah Taraf atau akronimnya dikenali sebagai (ATST) dapat diistilahkan di dalam bahasa Arab sebagai "*walad zina*" yang membawa maksud "anak zina" dari sudut bahasanya (Hans Wehr 1980). Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan ATST ini tidak boleh dinasabkan kepada bapa biologinya dan keputusan ini turut disokong oleh beberapa buah negeri di Malaysia seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Melaka, Sarawak, Negeri Sembilan, Terengganu, Selangor dan Pulau Pinang (Muhammad Adam 2020). Menurut keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan dalam membincangkan tentang isu penamaan nasab ATST ini, mendahului masalah umum iaitu menutup ruang-ruang zina sepatutnya menjadi perbincangan utama berbanding menutup malu ATST tersebut. Oleh yang demikian, ATST tersebut dibin atau dibintikan kepada Abdullah atau lain-lain nama "*Asma' al-Husna*" berpangkalan Abdul bagi mengelakkan kesan psikologi dan masalah sosial yang terkesan kepada diri mereka (JAKIM 2003).

Namun begitu, realiti yang berlaku kepada ATST ini adalah tidak selari dengan objektif dan matlamat asal seperti yang diputuskan dalam fatwa. Hasil tinjauan literatur-literatur lepas menunjukkan terdapat pelbagai kes buruk yang didakwa melibatkan ATST yang dinamakan dengan nama Abdullah. Sebagai buktinya dalam kes penghakiman Mahkamah Rayuan bagi kes rayuan No. W-01(A)-365-09/2016 terhadap permohonan ATST untuk tidak dinasabkan kepada Abdullah. Menurut mahkamah, menamakan anak luar nikah dengan nama Abdullah dilihat sebagai diskriminasi kepada masa depan dan perasaan kanak-kanak tersebut. Rata-rata masyarakat menyokong keputusan mahkamah rayuan ini dan berpendapat bahawa kanak-kanak yang dibintikan kepada Abdullah sering dipersenda, diejek anak luar nikah dan dipanggil sebagai anak tidak sah. Mereka yang dihina ini akan marah dan harga diri mereka terjejas dan ini secara langsung boleh menyebabkan masalah kemurungan pada anak

tersebut. Ada di antara mereka yang tidak mahu lagi ke sekolah dan mereka yang bijak pandai terpaksa berhenti sekolah akibat dipulau dan diejek kawan-kawan di sekolah (A Child & 2 Ors Jabatan Pendaftaran Negara 2017).

Sehubungan dengan itu, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk melihat kesan psikologi yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan dengan nama Abdullah bagi menggantikan nama ibu sebagai jalur yang sah. Dengan adanya kajian ini, ia dapat membuktikan samada dakwaan yang dilontarkan oleh media di dada-dada akhbar mahupun di corong-corong radio adalah benar mahupun tuduhan semata-mata dengan niat menimbulkan provokasi dalam fatwa kebangsaan. Pengkaji meyakini akan setiap fatwa yang dikeluarkan pastinya telah melihat pelbagai aspek ketika itu, namun sejauh manakah kesannya kepada ATST memerlukan kepada penelitian dalam artikel ini. Secara khususnya, artikel ini akan menjawab satu persoalan sahaja iaitu:

1. Apakah kesan psikologi yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan kepada Abdullah dalam fatwa penasaban ATST di Malaysia?

SOROTAN KAJIAN

Pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas yang berlegar di bawah skop ATST bagi memperkukuhkan lagi perbincangan kajian ini. Pertamanya, penulis mulakan dengan satu artikel jurnal pada tahun 2020 oleh Wan Abdul Fattah Ismail, Syahirah Abdul Shukor, Lukman Abdul Mutalib, Ahmad Syukran Baharuddin, Zulfaqar Mamat dan Nik Salida Suhaila Nik Saleh berjudul ***“Faktor dan Penyelesaian Isu Anak Tak Sah Taraf dalam Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia”***. Hasil dapatan menunjukkan bahawa jalan terbaik dalam menyelesaikan permasalahan seks bebas dan ATST dalam kalangan remaja Islam adalah dengan memperbaiki remaja itu sendiri. Kajian seterusnya juga daripada artikel jurnal oleh Zakiul Fuady Muhammad Daud & Raihanah Azahari (2020) dengan tajuk penyelidikannya ***“Analisis keputusan dan Metode Penghakiman terhadap Pemberian Wasiat Wajibah kepada Anak Tak Sah Taraf”***. Hasil dapatan menunjukkan bahawa keputusan dan metode penghakiman adalah tidak sesuai dengan syarak kerana mencabut pemberian hibah yang hakikatnya sudah selari dengan syarak tetapi digantikan dengan memberikan wasiat *wajibah* yang hukumnya masih dipertentangkan.

Kajian Azizah Mat Rashid, Noor Aziah Mohd Awal, Ahmad ‘Azam Mohd Shariff, Nor ‘Adha Abd Hamid, Tg. Noor Azira Tg Zainudin (2019) turut disoroti dalam satu artikel jurnal bertajuk ***“Menangani Masalah Kelahiran Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Peranan Perundangan Jenayah Dalam Masyarakat”***. Hasil dapatan menunjukkan bahawa penetapan hala tuju baru yang bersifat lebih holistik merangkumi integrasi kefahaman falsafah, pelaksanaan peruntukan dan hukuman yang lebih sesuai seiring dengan perkembangan semasa jenayah khususnya yang menyumbang kepada kelahiran ATST perlu ditranformasikan. Dan yang terakhir ialah satu artikel jurnal berjudul ***“Persepsi Masyarakat Muslim di Hulu Langat Terhadap Anak Tak Sah Taraf”*** oleh Noraini Aqilah Ismail & Ahmad Munawar Ismail (2018) turut disoroti pengkaji. Hasil dapatan menunjukkan bahawa masyarakat di daerah ini tidak mempunyai persepsi yang negatif terhadap ATST dengan jumlah min sebanyak 4.30. Jika melihat kepada kajian-kajian lepas ini, walaupun isu ATST itu

Kesan psikologi terhadap penamaan nasab anak tak sah taraf kepada Abdullah: Analisis Fatwa Kebangsaan

dibahaskan dalam perbincangan artikel tersebut, namun isu kesan psikologi ATST terhadap fatwa penamaan nasab kepada Abdullah secara khusus tidaklah diperincikan secara berfokus. Oleh yang demikian, ia membuka ruang kajian dalam artikel ini untuk melihat isu perbincangan yang diutarakan dengan lebih tuntas.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah merujuk kepada cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk memastikan objektif dan matlamat kajian tercapai (Mustaqim Roslan 2023). Oleh itu, kajian ini telah mengatur metodologi kajian dan strategi-strategi yang akan digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui tiga kaedah iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif iaitu carian penjelasan tentang peristiwa-peristiwa sosial atau budaya yang didasari pada perspektif persekitaran yang dikaji (Muslim 2016). Selain itu juga, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasi reka bentuk kajian. Strategi kajian pula ialah kajian kes. Manakala kaedah pengumpulan data dalam kajian ini adalah kombinasi teknik analisis kandungan dokumen dan temu bual soalan separa berstruktur. Setelah data dokumen dan data temu bual diperoleh, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik.

Selain daripada itu juga, kajian ini mengadaptasikan persampelan bertujuan atau *purposive sampling* yang digunakan dalam kajian ini. Menurut Babbie (2002), persampelan bertujuan adalah pemilihan peserta kajian berdasarkan pertimbangan penyelidik untuk memilih sampel yang paling berguna dan sesuai serta memenuhi keperluan tujuan kajian. Oleh yang demikian, seramai 12 sampel yang terdiri daripada seorang pakar psikologi, dua orang pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja, empat orang ATST dan lima orang penjaga ATST dijadikan sampel utama untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan dengan kesan psikologi yang dihadapi oleh ATST. Memandangkan kajian ini tidak mengetahui siapakah dalam kalangan populasi yang benar-benar layak dipilih sebagai sampel kajian atau yang berkemampuan boleh memberikan maklumat yang kaya, maka kaedah *snowball* digunakan seperti yang dicadangkan oleh Creswell (2009). Kaedah *snowball* di mana seorang partisipan atau satu latar akan memberikan petunjuk untuk memilih partisipan atau latar seterusnya (Othman Lebar 2017).

KONSEP KESAN PSIKOLOGI

Sebelum dihuraikan dengan lebih mendalam berkaitan dengan kesan psikologi yang dihadapi oleh anak-anak tak sah taraf, kajian ini memulakan dengan pendahuluan kepada maksud kefahaman bagi kesan psikologi itu sendiri. Perkataan “kesan psikologi” adalah gabungan daripada dua patah perkataan iaitu “kesan” dan “psikologi” yang mana kedua-duanya membawa maksud yang berbeza. Perkataan kesan menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012) membawa banyak maksud antaranya ialah merujuk kepada tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu atau bekas. Selain itu juga, kesan membawa erti sesuatu kebaikan atau keburukan yang timbul daripada sesuatu kejadian, keadaan, perbuatan, tindakan dan lain-lain.

Manakala istilah psikologi pula menurut William James (1890) ialah merujuk kepada sains kehidupan mental yang menekankan kepentingan unsur-unsur subjektif yang tidak dapat didaftar oleh sistem deria manusia. Harus juga diketahui bahawa perkataan psikologi berasal daripada perkataan Greek iaitu *psyche* dan *logos*. Adapun *psyche* membawa erti jiwa, rohani atau mental dan *logos* pula bermaksud kajian (Azura Bahadin 2019). Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa kesan psikologi ialah sesuatu tanda baik mahupun buruk yang berkaitan dengan jiwa, rohani dan mental manusia khususnya kepada anak-anak tak sah taraf yang menjadi perbincangan dalam kajian ini. Takrifan ini dapat disokong oleh Andy Tyerman (2003) dalam bukunya "*Psychological Effects of Brain Injury*" yang mana beliau menghuraikan kesan psikologi itu ialah merujuk kepada kesan kognitif, tingkah laku dan emosi serta kesan keluarga, pekerjaan dan sosial yang berkaitan dengan kecederaan otak.

KESAN PSIKOLOGI ATST YANG DINAMAKAN KEPADA ABDULLAH

Hasil dapatan menunjukkan bahawa anak-anak tak sah taraf yang dinamakan kepada Abdullah rata-rata mengalami kesan psikologi dalam kehidupan mereka. Kajian ini menghuraikan dapatan temu bual mendalam yang dijalankan kepada 12 sampel yang terdiri daripada tiga orang informan dan sembilan orang responden seperti dalam jadual 1.0 di bawah. Jadual ini diadaptasikan oleh Norizan Yusof (2016) dalam Jurnal Psikologi Malaysia bertajuk: "*Pengurusan Elemen Psikologikal sebagai Persediaan Menghadapi Bencana: Satu Kajian Kualitatif Terhadap Mangsa Banjir di Kelantan*". Jadual ini turut diolah berpanduan kepada perbincangan kajian dan dimulai dengan pandangan umum sebelum dihuraikan dengan lebih terperinci dalam perbincangan seterusnya. Berikut adalah hasil dapatan secara umum bagi kesan psikologi yang dihadapi oleh anak-anak tak sah taraf yang dinamakan kepada Abdullah:

Jadual 1.0: Hasil Dapatan Umum bagi Kesan Psikologi dan Masalah Sosial yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan kepada Abdullah

BIL.	KOD SAMPEL	KATEGORI SAMPEL	KESAN PSIKOLOGI
1.	In1	Pakar Psikologi	/
2.	In2	Pakar Psikiatri Kanak-Kanak & Remaja, UKM	/
3.	In3	Pakar Psikiatri Kanak-Kanak & Remaja, UPM	/
4.	R1	Anak Tak Sah Taraf (1)	/
5.	R2	Anak Tak Sah Taraf (2)	/
6.	R3	Anak Tak Sah Taraf (3)	/
7.	R4	Anak Tak Sah Taraf (4)	/
8.	R5	Penjaga Anak Tak Sah Taraf (1)	/
9.	R6	Penjaga Anak Tak Sah Taraf (2)	/
10.	R7	Penjaga Anak Tak Sah Taraf (3)	/
11.	R8	Penjaga Anak Tak Sah Taraf (4)	/
12.	R9	Penjaga Anak Tak Sah Taraf (5)	/

(Sumber: Adaptasi daripada jadual Norizan Yusof 2016)

Merujuk kepada jadual 1.0 di atas, kesemua 12 sampel yang terdiri daripada tiga orang informan dan sembilan orang responden kajian bersetuju bahawa anak-anak tak sah taraf

*Kesan psikologi terhadap penamaan nasab anak tak sah taraf kepada Abdullah:
Analisis Fatwa Kebangsaan*

yang dinamakan kepada Abdullah mengalami kesan psikologi. Empat kategori sampel di atas adalah merangkumi seorang pakar psikologi iaitu mewakili In1, pakar psikiatri kanak-kanak & remaja UKM dan UPM seramai dua orang mewakili In2 dan In3, anak-anak tak sah taraf seramai empat orang bermula R1 hingga R4 dan penjaga-penjaga ATST pula seramai lima orang bermula dari R5 hingga R9. Kesemua mereka memberikan maklum balas negatif terhadap kesan psikologi yang dihadapi oleh ATST walaupun daripada kategori yang berbeza.

Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat enam kesan psikologi yang telah dikenal pasti akibat kesan penamaan nasab ATST kepada Abdullah ini iaitu, sukar menumpukan perhatian, sering marah, kesukaran tidur, hilang selera makan, hilang pergaulan dan kurang keyakinan diri. Kesemua gejala ini turut disokong oleh pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja yang ditemu bual (Mustaqim Roslan 2023). Semua kategori di bawah kesan psikologi diperincikan lagi dalam perbincangan ini seperti dalam jadual 1.1 di bawah:

Jadual 1.1: Hasil Dapatan Khusus bagi Kesan Psikologi yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan kepada Abdullah

BIL .	KESAN PSIKOLOGI	SAMPEL KAJIAN												JUMLAH SAMPEL YANG BERSETUJ U
		In 1	In 2	In 3	R 1	R 2	R 3	R 4	R 5	R 6	R 7	R 8	R 9	
1.	Sukar Menumpukan Perhatian		/			/	/				/	/		5
2.	Sering Marah	/	/	/				/	/	/	/			7
3.	Kesukaran Tidur		/		/			/	/		/	/		6
4.	Hilang Selera Makan					/	/	/	/		/	/		6
5.	Hilang Pergaulan						/	/	/		/			4
6.	Kurang Keyakinan Diri											/		1

(Sumber: Adaptasi daripada jadual Norizan Yusof 2016)

Jadual 1.1 di atas menunjukkan kesemua sampel bersetuju bahawa ATST mengalami kesan psikologi akibat penamaan mereka kepada Abdullah. Walaupun setiap sampel tidak menyatakan kesemua gejala itu terkesan kepada ATST, namun gejala-gejala tersebut turut berada di bawah kategori kesan psikologi. Merujuk kepada jadual di atas, gejala “sering marah” merupakan gejala yang paling tinggi dipersetujui oleh sampel kajian ini dengan seramai tujuh orang daripada keseluruhan sampel iaitu seramai 12 orang mengakui bahawa ATST itu terkesan dengan penamaan nasab kepada Abdullah. Ia diikuti dengan gejala “kesukaran tidur” dan “hilang selera makan” yang merupakan gejala kedua tertinggi seramai enam orang. Adapun gejala “sukar menumpukan perhatian” pula merupakan gejala ketiga tertinggi dengan lima sampel yang bersetuju akan gejala tersebut. Manakala gejala terendah yang kurang memberikan kesan psikologi kepada ATST ialah gejala “kurang keyakinan diri”.

Kajian ini turut memperincikan kesemua gejala kesan psikologi ini yang dihadapi oleh ATST atas sebab penamaan nasab mereka kepada Abdullah.

Gejala kemurungan yang pertama ialah “sukar menumpukan perhatian”. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), sukar ialah tidak mudah (senang), payah, sulit dan susah. Adapun menumpukan ialah memberi sokongan kepada sesuatu, menolong, menumpu, menyokong dan menunjang. Manakala perhatian ialah hasil memerhatikan. Istilah sukar menumpukan perhatian ini turut disebut sebagai *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD). Ia membawa erti pola daripada kurangnya perhatian, hiperaktif dan impulsif (Ana Karunia & Ika Yuniar 2016). Masalah sukar menumpukan perhatian ini bukan sahaja mempunyai masalah dalam pembelajaran dan mereka turut mempunyai masalah untuk bergaul di dalam persekitaran kerana mereka sukar untuk bergaul bersama orang lain (Tengku Muhammad Faiz 2018).

Lima sampel bersetuju bahawa penamaan nasab ATST itu memberikan kesan kepada mereka sehingga menjadikan mereka sukar menumpukan perhatian. Dua sampel daripadanya adalah diperakui sendiri oleh mangsa keadaan iaitu ATST dan ia disokong oleh dua orang penjaga ATST yang mana gejala ini benar-benar berlaku kepada mereka. Selain itu juga, pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja turut menyokong gejala kemurungan ini, namun beliau turut menambah bahawa terdapat juga kebarangkalian punca berlakunya masalah tersebut adalah berpunca daripada masalah keturunan. Menurut R3, R7 dan In2:

R3: “Aaa. Perkara ni tidak dapat dinafikan memang perkara ni berlaku kan bila saya pergi sekolah. Adakala saya mengelamun ya la otak fikiran ni memikirkan mengenai kebenaran yang diungkapkan itu. Saya selalu berfikir di mana ayah kandung saya yang sebenar kan, apa yang berlaku pada hidup saya selepas ni” (R3(1)I-26/4/22(2605-2607).

R7: “Selain itu, minat belajar pun kurang macam nda semangat. Kiranya nda bagi tumpuan masa belajarnya. Lepastu nampaklah di kelasnya dia diam-diam sahaja. Yalah saya berkerja di sekolah sama. Apa-apa cikgunya *report* sama saya” (R7(1)I-17/11/21(1916-1917).

In2: “Tak boleh tumpu perhatian, tidak berselera, tak boleh tidur, itu semua gejala kemurungan ataupun ada juga gejala kurang praktik juga. So itu bergantung pada individu” (In2(1)I-30/3/22(657-658). “Masalah tidak memberi tumpuan, praktis apa semua tu tentu ada punca keturunan juga” (In2(1)I-30/3/22(484-485).

Gejala kemurungan yang kedua ialah “sering marah” atau “selalu amarah”. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), sering atau selalu membawa erti sentiasa, selamanya dan sepanjang masa. Manakala perkataan marah atau amarah adalah merujuk kepada sifat atau lekas marah atau amarah. Oleh yang demikian, dapatlah difahami bahawa sering marah ini ialah selalu mempunyai perasaan amarah dan secara tidak langsung mendorong kepada agresif tetapi biasanya hanya menyertai kecenderungan untuk menyerang serangan daripada orang lain (Ramadhani Agustin 2004). Selalunya amarah ini di dalamnya meliputi brutal, mengamuk, benci, marah besar, jengkel, kecil hati, terganggu, rasa pahit, berang, tersinggung, bermusuhan, tindakan kekerasan dan kebencian *patologis* (Sumitro Adam 2012).

Tujuh sampel bersetuju bahawa penamaan nasab ATST itu memberikan kesan kepada mereka sehingga menjadikan mereka sering marah dan adakalanya bersikap baran.

*Kesan psikologi terhadap penamaan nasab anak tak sah taraf kepada Abdullah:
Analisis Fatwa Kebangsaan*

Kebanyakan mereka sering marah adalah akibat daripada tekanan emosi yang dihadapi oleh mereka setelah identiti penamaan mereka diketahui sebagai ATST. Salah satu sampel ini adalah diperakui sendiri oleh mangsa keadaan iaitu ATST dan ia disokong oleh tiga orang penjaga ATST yang mana gejala ini benar-benar berlaku kepada mereka. Selain itu juga, seorang pakar psikologi dan dua orang pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja turut menyokong gejala kemurungan ini. Menurut R4, R7 dan In3:

R4: "Saya tahulah yang saya ni seorang yang susah sangat nak *control* emosi. Lepastu mak saya pun cakap saya dari kecik ni memang baranlah. Saya susah *control*" (R4(1)I-24/4/22(2808-2811).

R7: "Bila ditegur pandai meninggi suara sebelum ni. Perangainya tu kan marah-marah saja. Iya memang *stress* tu. Itulah dia marah-marah" (R7(1)I-17/11/21(1890-1891).

In3: "Pelbagai reaksi di situ pada permulaan bila dia dengar tu. Emosi itu bergantunglah pada anak tu ada yang sedih, ada yang marah dan ada yang mungkin kecewa bergantung pada reaksi waktu tu" (In3(1)I-7/4/22(948-950).

Gejala kemurungan yang ketiga ialah "kesukaran tidur". Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), kesukaran ialah membawa erti perihai sukar, kesulitan dan kesusahan. Adapun tidur bermaksud keadaan tidak sedar dengan mata terpejam. Masalah kesukaran tidur ini turut disebut sebagai *insomnia* iaitu merupakan ketidakmampuan untuk tidur walaupun ada keinginan untuk melakukannya. Keluhan *insomnia* mencakup "ketidakmampuan untuk tidur, sering terbangun, ketidakmampuan untuk kenali tidur dan terbangun pada dini hari" (Ika Linda Ayuningsih 2017). Selain daripada itu, *insomnia* ini juga merupakan suatu keadaan yang dicirikan dengan adanya gangguan dalam jumlah, kualiti atau waktu tidur pada seorang individu (Muhammad Akbar, Andi Arsunan & Ridwan M. Thaha 2018).

Enam sampel bersetuju bahawa penamaan nasab ATST itu memberikan kesan kepada mereka sehingga menjadikan mereka sukar untuk tidur. Kebanyakan mereka memberikan alasan bahawa akibat terlalu memikirkan nasib sendiri setelah diketahui akan identiti penamaan mereka adalah punca kesukaran tidur berlaku. Dua sampel daripadanya adalah diperakui sendiri oleh mangsa keadaan iaitu ATST dan ia disokong oleh tiga orang penjaga ATST yang mana gejala ini benar-benar berlaku kepada mereka. Selain itu juga, pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja turut menyokong gejala kemurungan ini. Menurut R1, R8 dan In2:

R1: "Ya betul adakalanya dan pada awal dapat tahu tu memang rasa kecewa menyebabkan saya sukar tidur" (R1(1)I-15/4/22(2333).

R8: "Kesukaran tidur pun ye hah dia selalu tidur lambat banyak berfikiran negatif" (R8(1)I-31/10/21(2064-2065).

In2: "Tak boleh tidur itu semua gejala kemurungan" (In2(1)I-30/3/22(657-658). "So kalau dia murung dia adalah semua-semua tu" (In2(1)I-30/3/22(659-660).

Gejala kemurungan yang keempat ialah "hilang selera makan". Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), hilang bermaksud tidak kelihatan lagi, lenyap dan tiada lagi. Adapun selera ialah kemahuan atau keinginan hendak makan iaitu nafsu makan. Manakala

makan ialah memamah serta menelan makanan dengan mengunyah, menelan, melulur, menghisap dan lain-lain. Oleh yang demikian, dapatlah difahami bahawa hilang selera makan ialah merujuk kepada penurunan keinginan untuk makan mungkin berbeza-beza disebabkan oleh perubahan psikologi dan faktor persekitaran (Christina Andreae, Anna Stromberg & Kristofer Arestedt 2016). Selain daripada itu juga, ia disebut sebagai *anoreksia*. Ia membawa erti keadaan ketiadaan rasa lapar pada pesakit dan boleh berlaku disebabkan oleh pelbagai sebab seperti umur, keadaan penyakit akut atau kronik dan ubat-ubatan yang berkaitan (S. Nagaraj 2022).

Enam sampel bersetuju bahawa penamaan nasab ATST itu memberikan kesan kepada mereka sehingga menjadikan mereka hilang selera makan. Mereka banyak menyendiri di dalam bilik sehinggakan rutin makan mereka terganggu. Tiga sampel daripadanya adalah diperakui sendiri oleh mangsa keadaan iaitu ATST dan ia disokong oleh tiga orang penjaga ATST yang mana gejala ini benar-benar berlaku kepada mereka. Sungguhpun pakar mengakui bahawa ATST itu mengalami masalah kemurungan akibat kesan psikologi yang dihadapi oleh mereka, namun mereka tidaklah mengkhususkan gejala kemurungan yang dihadapi itu ialah hilang selera makan. Hal ini kerana, gejala kemurungan iaitu hilang selera makan itu hanya dapat dikenal pasti daripada mangsa keadaan dan turut disokong oleh penjaga mereka dalam sesi temu bual yang dijalankan. Menurut R2 dan R5:

R2: “Kalau *stress* tu selalulah ganggu emosi saya. Dah saya asyik fikirkan benda ni kadang makan pon tak lalu” (R2(1)I-18/4/22(2460).

R5: “Masa itu bila kami cakap macam itu dia mudah terasa, dia proteslah, dia lari masuk bilik, dia tak nak keluar makan” (R5(1)I-11/9/21(1339-1340).

Gejala kemurungan yang kelima ialah “hilang pergaulan”. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), hilang membawa erti tidak kelihatan lagi, lenyap dan tiada lagi. Manakala pergaulan pula ialah merujuk kepada perihal bergaul, percampuran, persahabatan dan lain-lain. Literatur-literatur lepas juga berbeza dalam membawa istilah hilang pergaulan ini. Ada di antara mereka menyebut bahawa hilang pergaulan ini ialah gangguan keperibadian *skizoid* atau SPD (*Schizoid Personality Disorder*). Ia membawa erti pola keperibadian yang didominasi oleh pemisahan diri daripada pergaulan sosial dan menyempitnya ekspresi emosional (dingin) (Muhammad Ripli 2015). Ada juga antara mereka yang membawa istilah gangguan keperibadian ambang atau BPD (*Borderline Personality Disorders*) yang turut membawa maksud kepada hilang pergaulan. Adapun gangguan keperibadian ambang ialah pola keperibadian yang didominasi oleh ketidak-stabilan dalam hubungan pergaulan sosial, citra diri (*selfimage*), alam perasaan (*affects*) dan tindakan yang tiada terduga serta menyolok (*marked impulsivity*) (Ika Kurnia Fitriani 2015).

Empat sampel bersetuju bahawa penamaan nasab ATST itu memberikan kesan kepada mereka sehingga menjadikan mereka hilang pergaulan. Hal ini terjadi apabila timbulnya perasaan malu untuk berhadapan dengan kawan-kawan apatah lagi keluarga terdekat. Dua sampel daripadanya adalah diperakui sendiri oleh mangsa keadaan iaitu ATST dan ia disokong oleh dua orang penjaga ATST yang mana gejala ini benar-benar berlaku kepada mereka. Sungguhpun pakar mengakui bahawa ATST itu mengalami masalah kemurungan akibat kesan psikologi yang dihadapi oleh mereka, namun mereka tidaklah mengkhususkan gejala kemurungan yang dihadapi itu ialah hilang pergaulan. Hal ini kerana, gejala kemurungan iaitu hilang pergaulan itu hanya dapat dikenal pasti daripada mangsa keadaan

*Kesan psikologi terhadap penamaan nasab anak tak sah taraf kepada Abdullah:
Analisis Fatwa Kebangsaan*

dan turut disokong oleh penjaga mereka dalam sesi temu bual yang dijalankan. Menurut R4 dan R5:

R4: "Dalam kelas tu saya susah nak masuk campur dengan orang" (R4(1)I-24/4/22(2872-2873).

R5: "Dulu dia selalu bergaul dengan saya dan isteri saya, jadi lepastu dah kurang. Banyak masa dia dalam bilik (R5(1)I-11/9/21(1320-1321). Sikap dia berubah macam itulah dengan kawan-kawan" (R5(1)I-11/9/21(1364).

Gejala kemurungan yang keenam ialah "kurang keyakinan diri". Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), kurang ialah bermaksud tidak atau belum sampai kepada angka yang tertentu, tidak atau belum cukup. Adapun keyakinan ialah perihal yakin, kepercayaan yang sungguh-sungguh, kepastian, kesungguhan dan ketentuan. Manakala diri ialah merujuk kepada orang seorang atau empunya badan. Oleh yang demikian, dapatlah difahami bahawa kurang keyakinan diri bererti seseorang yang cenderung ragu-ragu untuk mencuba dan kurang memiliki keberanian, sehingga mereka berasa tidak nyaman dan tidak optimal dalam mengembangkan diri mereka yang pada akhirnya akan terpengaruh terhadap hasil praktik psikomotor (Afrida Khudriatussholikhah 2018). Keyakinan diri yang rendah boleh menyebabkan psikologi seseorang seperti rasa tidak selamat, ketakutan, kebimbangan, dan bertingkah laku antisosial (Hayrettin Tuncel 2015).

Satu sampel bersetuju bahawa penamaan nasab ATST itu memberikan kesan kepada mereka sehingga menjadikan mereka kurang keyakinan diri. Menurut penjaga ATST ini bahawa keadaan tersebut sering berlaku di sekolah apabila diminta anak-anak ini oleh guru untuk berhadapan dengan rakan-rakan sekelas. Hal ini disebabkan rasa takut dalam diri ATST tersebut kerana risau diketahui status penamaan mereka apabila ditanya oleh guru di hadapan kawan-kawan mereka. Penjaga ATST memperakui bahawa gejala ini benar-benar berlaku kepada anak jagaan mereka. Sungguhpun ATST dan pakar mengakui bahawa masalah kemurungan akibat kesan psikologi yang dihadapi oleh mereka, namun mereka tidaklah mengkhususkan gejala kemurungan yang dihadapi itu ialah kurang keyakinan diri. Hal ini kerana, gejala kemurungan iaitu kurang keyakinan diri itu hanya dapat dikenal pasti daripada penjaga mereka dalam sesi temu bual yang dijalankan. Menurut R8:

"Di sekolah dia kurang berkeyakinan nak ke depan hah dia tak berani" (R8(1)I-31/10/21(2082). "Waktu sekolah menengah dia berkelakuan sebegitu. Dia sendirilah sebab diri dia takut orang tahu yang dia ATST" (R8(1)I-31/10/21(2088).

Daripada keseluruhan gejala yang telah diuraikan dalam kajian ini, dapatlah dirumuskan bahawa anak-anak tak sah taraf ini tidak dapat lari daripada kesan psikologi terhadap penamaan mereka kepada Abdullah. Ia memberikan kesan yang kurang menyenangkan kepada anak-anak ini seawal kanak-kanak dan semakin kritikal pada usia remaja mereka. Permasalahan yang timbul ini sedikit sebanyak sudah pastinya turut memberikan kesan terhadap fatwa penamaan nasab ATST. Sesungguhnya setiap fatwa yang dikeluarkan itu tidak lari dari landasan *maqasidnya* dan ia mestilah sentiasa meraikan kehendak syarak. Hal ini kerana, *maqasid* itu sendiri ialah tujuan dan makna yang telah digariskan oleh syarak dalam setiap perundangan sama ada secara umum atau khusus bagi memelihara kepentingan manusia (Al-Qaradawi 2000).

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, dapatlah difahami daripada kajian ini bahawa kesan psikologi itu ialah sesuatu tanda baik mahupun buruk yang berkaitan dengan jiwa, rohani dan mental manusia khususnya kepada anak-anak tak sah taraf yang menjadi perbincangan dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat enam kesan psikologi yang telah dikenal pasti akibat kesan penamaan nasab ATST kepada Abdullah ini iaitu, sukar menumpukan perhatian, sering marah, kesukaran tidur, hilang selera makan, hilang pergaulan dan kurang keyakinan diri. Kesemua gejala ini turut disokong oleh pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja yang ditemu bual. Walaupun kesemua kesan psikologi itu tidaklah dihadapi secara keseluruhannya oleh setiap ATST menurut 12 sampel yang ditemu bual pengkaji, namun ia turut memberikan kesan kepada mereka apabila penamaan nasab mereka digantikan dengan nama Abdullah. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan agar penamaan nama Abdullah bagi menggantikan nama ibu sebagai jalur yang sah ke atas ATST adalah wajar dimurnikan kembali agar bersesuaian dengan realiti yang berlaku.

BIBLIOGRAFI

- A Child & 2 Ors Jabatan Pendaftaran Negara. (2017). *Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia*. Retrieved from: [http://www.kehakiman.gov.my/directory/judgment/file/W-01\(A\)-365-09-2016.pdf](http://www.kehakiman.gov.my/directory/judgment/file/W-01(A)-365-09-2016.pdf)
- Afrida, K. (2018). *Pengaruh Interaksi Teman Sebaya Dan Keyakinan Diri Terhadap Hasil Perilaku Psikomotorik Siswa Dalam Pelajaran Fiqih Kelas VII MTS Sunan Ampel Jetis, Jtirejo, Mojokerto*. (Postgraduate Thesis). Jurusan Pendidikan Agama Islam, IAIN Ponorogo.
- Ana Karunia. & Ika Yuniar, C. (2016). *Pengaruh Psikoedukasi tentang Pengetahuan ADHD terhadap Kemampuan Guru dalam Melakukan Deteksi Dini Masalah ADHD pada Siswa dan Keterampilan Intervensi Kelas*. Jurnal INSAN: Jurnal Psikologi dan Kesehatan Mental. Vol. 01 No. 01. Universitas Airlangga.
- Andy Tyerman. (2003). *Psychological Effect of Brain Injury*. Headway—the brain injury association, UK.
- Azizah, M. R., Noor Aziah, M. A., Ahmad 'Azam, M. S., Nor 'Adha, A. H. & Tg. Noor Azira, T. G. (2019). *Menangani Masalah Kelahiran Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Peranan Perundangan Jenayah Dalam Masyarakat*. Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Azura, B. (2019). *Pengantar Psikologi*. Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Babbie, E. (2002). *The Practice of Social Research*. 12th ed. Belmont California, Wadsworth.
- Bin Roslan, M. M. (2023). Hubungan Kesan Psikologi dan Masalah Sosial dengan Teori Hifz Al-Nafs dalam Fatwa Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf: Analisis Fatwa Kebangsaan: The Relationship of Psychological Effects and Social Problems with Hifz Al-Nafs Theory in The Fatwa on the Named Lineage of Illegitimate Children: National Fatwa Analysis. Jurnal Pengajian Islam, 16(1), 86–100. Retrieved from: <https://doi.org/10.53840/jpi.v16i1.240>

*Kesan psikologi terhadap penamaan nasab anak tak sah taraf kepada Abdullah:
Analisis Fatwa Kebangsaan*

- Christina, A., Anna, S. & Kristofer, A. (2016). *Prevalence and Associated Factors for Decreased Appetite Among Patients with Stable Heart Failure*. National Library of Medicine, Linkopings Universitet.
- Creswell, J. W. (2009). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. n.d. Thousand Oask, CA, Sage.
- Hans Wehr. (1980). *A Dictionary of Modern Written Arabic*. n.d. Library Du Liban, Beirut.
- Hayrettin, T. (2015). *The relationship between self-confidence and learning Turkish as a foreign language*. Acedemic Journal Turkish Language Department, Canakkale. Canakkale Onsekiz Mart University, Turkey.
- Ika Kurnia, F. (2015). *Urgensi Pemeriksaan Psikis Pra-Nikah*. Jurnal De Jure: Jurnal Hukum dan Syariah. UIN Malang
- Ika Linda, A. (2017). *Penerapan Rendam Air Hangat Pada Kaki Terhadap Kualitas Tidur Ny. R dengan Insomnia di RT 13 RW V Kelurahan Slendro*. (Postgraduate Thesis). Sekolah Tinggi Ilmu Kesehatan, 'Aisyiyah Surakarta.
- Kamus Dewan Bahasa. (2012). 4th ed. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Muhammad Adam, A. A., Khadher, A., Mohd Khairul Nazrin, M. N. & Ishak, S. (2020). *Dinamika Tafsiran Teks Hadis al-Walad li al-Firasy wa li al-'Ahir al-Hajar dan Implikasinya Terhadap Fatwa Penasaban Anak Tak Sah Taraf di Malaysia*. International Refereed Academic Journal in Hadis Sudies. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Muhammad Akbar, N., Andi Arsunan, A. & Ridwan, M. T. (2018). *Kualitas Hidup Penderita Insomnia pada Mahasiswa*. Jurnal MKM The Indonesia Journal of Public Health. Vol. 14 No. 2. Universitas Hasanuddin.
- Muhammad Ripli. (2015). *Mengenal Gangguan Keperibadian serta Penanganannya*. Jurnal al-Tazkiah: Jurnal Bimbingan dan Kaunseling Islam. Vol. 4 No. 2. IAIN Mataram.
- Muslim, M. S. (2016). *Varian-Varian Paradigma, Pendekatan, Metode, dan Jenis Penelitian dalam Ilmu Komunikasi*. Wahana. Vol. 1 No. 10. Universitas Pakuan, Indonesia.
- Mustaqim Roslan, M. (2023). *Hifz al-Nafs dalam Fatwa Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Analisis Kesan Psikologi dan Masalah Sosial*. (Postgraduate Thesis). Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar – Perak Darul Ridzuan.
- Noraini Aqilah, I. & Ahmad Munawar, I. (2018). *Persepsi Masyarakat Muslim di Hulu Langat Terhadap Anak Tak Sah Taraf*. Malaysian Journal for Islamic Studies (MJIS). Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).
- Norizan, Y. (2016). *Pengurusan Elemen Psikologikal sebagai Persediaan Menghadapi Bencana: Satu Kajian Kualitatif Terhadap Mangsa Banjir di Kelantan*. Jurnal Psikologi Malaysia.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode*. n.d. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ramadhani, A. (2004). *Hubungan Antara Manajemen Amarah Dengan Perilaku Agresi*. (Postgraduate Thesis). Fakultas Psikologi, Universitas Islam Indonesia Jogjakarta.
- Roslan, M. M., & Zainuri, A. O. . (2023). Kekhilafan Menerapkan Maqasid Syari'ah Dalam Pengeluaran Fatwa: Analisis Ijtihad Maqasidi: Arguments In Applying Maqasid Syari'ah In The Fatwa Issuance: An Ijtihad Maqasidi Analysis. Journal of Fatwa Management and Research, 28(1), 132-148. Retrieved from: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no1.464>
- Roslan, M. M. (2023). Metodologi Pendalilan terhadap Fatwa Pensabitan Nasab Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Analisis Penamaan kepada Abdullah: Argument Methodology Against Fatwa Conviction of Illegitimate Children's Lineage in Malaysia: Analysis of the

- Appointment Name to Abdullah. *Journal of Muwafaqat*, 6(2), 19–34. Retrieved from: <https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal/article/view/140>
- Roslan, M. M. (2023). Teori Hifz Al-Nafs dalam Islam: Analisis Pendalilan: [The Theory of Hifz Al-Nafs in Islam: An Argumentative Analysis]. *KQT EJurnal*, 22–34. Retrieved from: <http://ejurnal.kqt.edu.my/index.php/kqt-ojs/article/view/68>
- Roslan, M. M. (2022). The Problem of Depression Regarding the Namement of Illegitimate Children's Lineage to Abdullah: National Fatwa analysis. *Firdaus Journal*, 2(2), 31–42. Retrieved from: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol2.2.4.2022>
- Roslan, M. M. (2023). Symptoms of Social Problems Regarding the Named Lineage of Illegitimate Children to Abdullah: National Fatwa Analysis. *Firdaus Journal*, 3(1), 39–50. Retrieved from: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol3.1.5.2023>
- S. Nagaraj. (2022). *Loss of Appetite in Adult Patients: Effectiveness and Safety of an Appetite Stimulating Medication in an Open-Label, Investigator-Initiated Study in India*. Journal of Nutrition and Metabolism, Hindawi.
- Sumitro, A. (2012). *Hubungan Antara Kematangan Emosi Dengan Problem Focused Coping Mahasiswa*. (Postgraduate Thesis). Fakultas Psikologi, UIN Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Tengku Muhammad Faiz, T. H. (2018). *Kesan Penggunaan Aplikasi Realiti Augmentasi Pembelajaran Sains Tahun Empat Terhadap Pencapaian Akademik, Pemahaman dan Tumpuan Murid Lembam Sekolah Rendah*. (Postgraduate Thesis). Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Wan Abdul Fattah, I., Syahirah, A. S., Lukman, A. M., Ahmad Syukran, B., Zulfaqar, M. & Nik Salida, N. S. (2020). *Faktor dan Penyelesaian Isu Anak Tak Sah Taraf dalam Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia*. International Seminar on Syariah and Law (INSLA). Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- William James. (1890). *The Principles of Psychology*. Vol. I. University of Toronto, New York.
- Zakiul Fuady, M. D. & Raihanah, A. (2020). *Analisis keputusan dan Metode Penghakiman terhadap Pemberian Wasiat Wajibah kepada Anak Tak Sah Taraf*. Jurnal Fiqh. Universiti Malaya (UM).
- Zulkifli al-Bakri. (2003). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).